

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
(SEPANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.06.2015

Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) berapakah jumlah pendapatan yang Kerajaan perolehi daripada cukai GST sejak ia mula diperkenalkan sehingga 25 April 2015 dan adakah ia mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

(b) mengapakah pihak telco masih meneruskan pengenaan GST kepada perkhidmatan prepaid dan apakah Kerajaan akan mendakwa syarikat-syarikat tersebut.

JAWAPAN

- a. Secara asasnya, pendapatan daripada kutipan GST terdiri daripada dua komponen iaitu kutipan GST ke atas pengimportan dan kutipan GST tempatan. Jumlah keseluruhan kutipan hasil GST telah dijumlahkan bagi tempoh yang lebih panjang iaitu dari 1 April hingga 31 Mei 2015 dengan jumlah sebanyak RM4.95 bilion. Pecahan kutipan hasil dari pengimportan bagi tempoh yang sama adalah sebanyak RM2.86 bilion, sementara kutipan GST tempatan adalah sebanyak RM2.09 bilion.
- b. Perkhidmatan prepaid adalah tertakluk kepada GST pada kadar 6% dengan kaedah pengenaan GST yang diputuskan oleh Kerajaan seperti berikut:
- i. Sekiranya kad prabayar berharga RM10, ianya akan dijual pada harga RM10 dan pengguna akan memperolehi nilai RM10 bagi kad prabayar tersebut; dan
 - ii. GST pada kadar 6% akan dikenakan atas penggunaan iaitu apabila pengguna menggunakan perkhidmatan tersebut.

Kerajaan berpandangan cara ini adalah lebih sesuai kerana Kerajaan tidak akan mengambil cukai sebelum perkhidmatan digunakan. Kerajaan telah bersetuju supaya pihak telco diberi

tempoh masa selama 6 bulan untuk membuat persediaan yang sewajarnya bagi melaksanakan kaedah pengenaan GST tersebut. Sepanjang tempoh tersebut syarikat telco dibenarkan menggunakan amalan semasa iaitu kad prabayar dijual pada harga RM10.60.